

22 AUG 1997

Mahathir-Li Peng

CHINA ULANGI SOKONGAN TERHADAP EAEC

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri China, Li Peng, hari ini mengulangi sokongan Beijing terhadap Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tetapi berpendapat ia mungkin mengambil masa sebelum "projek" inisiatif Asean itu dapat dilaksanakan.

Li Peng memaklumkan mengenai sokongan China terhadap EAEC itu semasa perbincangan beliau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengilhamkan idea itu pada 1990.

Dalam taklimatnya kepada pemberita mengenai perbincangan itu di Jabatan Perdana Menteri di sini, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata Li memberitahu Dr Mahathir bahawa beliau mengetahui mengenai perbincangan antara anggota-anggota prospek EAEC, satu forum perundingan yang bebas.

Selain China dan sembilan anggota Asean iaitu Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam, bakal anggota forum perundingan itu ialah Jepun dan Korea Selatan.

Ketua-ketua kerajaan negara-negara berkenaan dijadualkan bertemu di sini pada Disember ini semasa sidang kemuncak tidak rasmi kedua Asean.

Abdullah berkata Li, yang tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi empat hari, berkata mesyuarat ketua-ketua kerajaan itu merupakan satu peluang bagi mereka memahami dengan lebih mendalam mengenai forum perundingan itu dan berkongsi pengalaman mereka.

Abdullah berkata isu-isu antarabangsa termasuk kepelbagaian polar, perkembangan terkini di Kemboja, tuntutan bertindih di Laut China Selatan, dan hak-hak asasi manusia menguasai mesyuarat lebih dua jam itu.

Beliau berkata perbincangan Dr Mahathir dengan Li Peng merupakan perbincangan dua hala paling lama yang pernah diadakan oleh Perdana Menteri dengan seorang pemimpin asing.

Mengenai kepelbagaian polar, Abdullah berkata Dr Mahathir dan Li Peng bersetuju bahawa pusat-pusat kuasa tidak harus tertakluk atau terhad kepada satu negara sahaja sebaliknya harus diperkembangkan ke negara lain seperti Eropah dan Asia.

"Beliau (Li Peng) berpendapat pusat kuasa yang lain di Eropah dan Asia harus juga dibangunkan, diberi perhatian," katanya.

Abdullah berkata Li Peng berpendapat pada masa ini, terlalu banyak perhatian diberikatan kepada peranan Amerika Syarikat dalam hal ehwal antarabangsa.

"Malangnya dalam beberapa kes, Amerika memutuskan untuk melaksanakan beberapa tindakan berdasarkan keputusannya sendiri dan ini mungkin dibuat tidak mengikut kepentingan masyarakat antarabangsa," kata Abdullah.

Cadangan turut dikemukakan supaya beberapa pusat kuasa baru juga harus dibangunkan, kata Abdullah.

"Tujuannya ialah supaya ada keadilan dalam hubungan antarabangsa," katanya sambil mengingatkan para wartawan bahawa perbincangan Mahathir-Li Peng tidak harus ditafsirkan sebagai sesi mengkritik Amerika.

Mengenai Kemboja, kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa penyelesaian terbaik kepada krisis perebutan kuasa di negara itu ialah menerusi pilihan raya umum yang dijadualkan pada Mei tahun depan.

Abdullah juga berkata bahawa Malaysia bimbang dengan pertelingkahan terbaru di sempadan Thai-Kemboja. Dilaporkan, kira-kira 2,500 rakyat Kemboja telah memasuki bahagian timur Thailand sejak beberapa hari lepas berikutan pertelingkahan antara askar yang setia kepada parti Khmer Rouge dan tentera Perdana Menteri Kedua, Hun Sen.

Mengenai tuntutan bertindih di Spratly, kedua-dua pemimpin itu bersetuju bahawa adalah penting untuk memastikan isu itu tidak akan menjejaskan hubungan China dan Asean sama ada sebagai pertubuhan atau secara individu.

Mengenai cadangan Malaysia supaya dikaji semula Deklarasi mengenai Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 1948, Abdullah berkata China menyokong cadangan itu dan bersedia menyertai mana-mana kumpulan pakar yang ditugaskan mengkaji semula deklarasi itu.

Sementara itu, pada satu persidangan berita berasingan mengenai perbincangan kedua-dua pemimpin itu kemudian, jurucakap Kementerian Luar China, Shen Guofang, berkata Li telah menyatakan rasa puas hatinya terhadap hubungan dua hala Malaysia-China sejak beberapa tahun lepas.

Dr Mahathir dan Li juga berpuas hati dengan pertumbuhan ekonomi dan hubungan perdagangan serta berharap dapat menjalinkan kerjasama yang lebih luas, katanya.

Kedua-dua pemimpin itu turut berharap dapat menyelesaikan masalah yang timbul dalam projek usahasama yang sedanh dijalankan, kata Shen.

Beliau berkata kedua-dua perdana menteri itu juga membincangkan mengenai pengukuhan kerjasama kewangan antara negara mereka dengan menubuhkan cawangan bank utama masing-masing di Beijing dan Kuala Lumpur.

Bank China dan Malayan Banking Bhd (Maybank) akan menubuhkan cawangan di ibu negara masing-masing.

Shen berkata Li juga menggalakkan ahli-ahli perniagaan China supaya melabur di Malaysia dan usahawan Malaysia melabur di China.

China mengalu-alukan pelaburan terutama dalam industri pengangkutan, infrastruktur, telekomunikasi dan automobil, katanya.

Mengenai pertemuan Li dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, di hotel tempat penginapan Li sebelum itu, Shen berkata Anwar memberikan taklimat mengenai masalah kewangan di rantau itu.

Tiada perbincangan yang khusus diadakan mengenai sama ada China akan memberi sokongan kepada negara-negara yang terbabit memandangkan Li dan Anwar hanya bertukar pendapat mengenai isu itu, katanya. -- BERNAMA

ES RAZ NAK